

**PERCUMA** 28 Februari - 7 Mac 2014, 28 Rabiulakhir - 5 Jamadilawal 1435



**KENALI ADUN ANDA**  
HASBULLAH RIDZWAN  
N17 Gombak Setia

muka 6&7

Pelan pengagihan air  
berjadual SYABAS  
Zon 1 & Zon 2

muka 3

SKIMSEL tunaikan  
impihan ibu  
tunggal

muka 5



**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor dan Kerajaan Persekutuan memeterai memorandum persefahaman (MoU) pengambilalihan ekuiti empat syarikat konsesi, seterusnya penstrukturkan semula industri air menjadi realiti.

Ia sekaligus menjamin bekalan air mencukupi pada masa depan melalui tiga program khas sehingga Loji Rawatan Air 2 dan Sistem Agihan (LRAL2) siap dibina kelak.

"MoU ini tepat pada masanya ketika rakyat bergelut dengan krisis bekalan air dan ini jelas membuktikan industri air perlu distruktur semula supaya perkhidmatannya lebih cekap dan mampan dengan kadar tarif air yang munasabah," tegas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Proses pengambilalihan dijangka selesai dalam tiga bulan dengan keempat-empat syarikat konsesi diletak dalam satu konsortium air yang diterajui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

Empat syarikat itu ialah Puncak Niaga Sdn Bhd (PNSB), Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (Splash), dan Konsortium ABBAS Sdn Bhd (Abbas).

"Pengambilalihan ini akan melibatkan pengambilalihan pegangan ekuiti serta tanggungjawab dan tidak melibatkan pemberhentian kakitangan bukan pengrusan," jelas Abdul Khalid.

MoU itu dimeterai Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri berkenaan Dr Maximus Ongkili mewakili Kerajaan Perserikatan manakala Abdul Khalid bagi pihak Kerajaan Selangor.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak; Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut hadir pada majlis di Putrajaya 26 Februari lalu, sebelumnya Exco Selangor.

Ia antara lain menyatakan Ke-

**3 program jamin bekalan air mencukupi**

## Selangor ambil alih industri air



**Abdul Khalid dan Maximus memeterai perjanjian sambil diperhati Perdana Menteri, Najib Razak dan Timbalan Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin di Putrajaya**

rajaan Persekutuan akan memudahkan cara dan menyediakan suntikan dana tambahan bagi menjayakan proses pengambilalihan.

Sebelum ini, rundingan penstrukturkan industri air berlara rutin lebih empat tahun akibat karenanya syarikat konsesi termasuk menolak tawaran lumayan RM9.65 bilion.

Kegagalan rundingan itu yang berakhir hujung tahun lalu juga antara punca pembinaan LRAL2 tertangguh.

LRAL2 ialah komponen Projek Penyaluran Air Mentah dari

Pahang ke Selangor menyusuli pembinaan terowong merentasi Banjaran Titiwangsa, dan pembinaan empangan di Sungai Kelau dan Sungai Telemon di Pahang.

Sebaliknya, persefahaman memorandum itu membolehkan projek bernilai RM3.936 bilion yang sebahagiannya dibiayai Japan Bank for International Cooperation (JBIC), diteruskan semula.

Malah, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk menubuhkan satu jawatankuasa yang dianggotai wakil Kerajaan Selangor bagi menjayakan projek LRAL2.


### TIGA langkah pastikan bekalan air cukup

Sementara menunggu Langat 2 disiapkan, Kerajaan Selangor melaksanakan tiga tanggungjawab utama

**1** Program mitigasi bernilai RM900 juta yang diperuntukkan Kerajaan Persekutuan.

**2** Projek Horas (Hybrid Off River Augmentation System) membekalkan air bersih sehingga 700 juta liter sehari (MLD). Majlis Pecah Tanah akan diadakan 2 minggu lagi.

**3** Menurunkan peratusan air tidak berhasil (NRW) dari 33 % ke tahap lebih rendah dalam tempoh 6 bulan. Peratusan NRW tinggi tetapi gagal diturunkan SYABAS adalah punca bekalan tidak mencukupi.



# Penstrukturran air selesaikan masalah pangsapuri

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Banyak masalah yang melibatkan bekalan air dapat diselesaikan sekiranya Kerajaan Selangor berjaya mengambil alih empat konsesi air.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata penstrukturran air ini akan menyelesaikan banyak masalah melibatkan bekalan air di pangsapuri terlibat.

"Apabila industri tersebut diuruskan sendiri Kerajaan

Negeri, maka kerajaan boleh membuat keputusan-keputusan yang secara langsung dapat menyelesaikan banyak masalah rakyat.

"Contohnya dalam usaha untuk memastikan penduduk pangsapuri mendapat air percuma dengan melakukan migrasi dari meter pukal kepada meter individu, Kerajaan Negeri terpaksa berunding dengan Syabas agar syarat-syarat migrasi ini dapat dipermudahkan," katanya dalam satu kenyataan.

Iskandar berkata, sebelum penstrukturran ini, syarat-syarat

seperti peratus persetujuan (consent) penduduk yang tinggi menghalang kelulusan banyak permohonan migrasi.

Kerajaan Negeri terpaksa menunggu kelulusan pengurusan Syabas sekiranya peratus persetujuan rendah.

Selain itu, Iskandar berkata ada syarat-syarat lain yang menghalang atau melambatkan proses migrasi.

"Proses ini akan dapat dipermudah dan dipercepatkan setelah industri air ini diurus sendiri oleh syarikat yang dimiliki Kerajaan Negeri," jelasnya.

## Penjadualan semula bekalan air

# Syabas gagal bentang pelan

**SHAH ALAM** - Dakwaan Syarikat Bekalan Air Selangor, (Syabas) kyonnya pelan penjadualan semula bekalan air sudah dibentangkan adalah tidak benar sama sekali, tegas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Syabas sebaliknya gagal membentangkannya dalam empat mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Air Negeri Selangor yang diadakan berasingan.

Perbincangan mengenai persediaan terhadap cadangan pelaksanaan penjadualan pengagihan air dilakukan bersama Syabas sejak 18 Februari.

"Jawatankuasa berkenaan meminta supaya Syabas membentangkan pelan tersebut dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) pada 20 Februari 2014.

"Kerajaan Selangor sekali lagi mengarahkan Syabas menyediakan pelan penjadualan pengagihan

air untuk dibentangkan pada 21 Februari, tetapi Syabas masih gagal dan pada 24 Februari sekali lagi Syabas gagal berbuat demikian," katanya dalam satu kenyataan, baru-baru ini.

Pada 25 Februari, Syabas mendakwa pelan penjadualan semula bekalan air disediakan sebaik sahaja Abdul Khalid mengeluarkan arahan tindakan kecemasan pada 21 Februari lalu.

Pengarah Eksekutif Teknikal Konsesi Air Syabas, V. Subramaniam juga mendakwa pelan itu hanya diluluskan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negeri (Span) pada 24 Februari lepas.

Tindakan Syabas menggunakan Span sebagai alasan disifatkan sebagai tidak masuk akal dan tidak boleh diterima kerana melibatkan kepentingan awam.

"Kerajaan Negeri terpaksa melaksanakan pengurangan pelepasan air daripada empangan

untuk pastikan pengguna tetap menerima bekalan air walaupun bersanggup sehingga akhir Mac ini.

"Penurunan paras air empangan kerana perubahan monsun yang menyebabkan cuaca panas berlanjutan dan keadaan ini turut dialami di negeri-negeri lain," katanya lagi.

Beliau menggesa Syabas menjalankan tanggungjawab dengan segera dan menyediakan pelan penjadualan pengagihan bekalan air tanpa sebarang alasan.

"Kerajaan Negeri ingin tegaskan bahawa keadaan pada ketika ini berbeza dengan apa yang berlaku pada 15 Julai 2012 apabila Syabas mengumumkan cutuan air di Lembah Klang tanpa mendapat persetujuan Kerajaan Negeri dan Ahli Lembaga Pengarah Syabas pada ketika itu," katanya.



**PENDAPAT ORANG RAMAI**



**Mohd Firdaus, 29**  
Pekerja Swasta

"Ini satu permulaan yang baik. Setelah sekian lama perkara ini diperjuangkan akhirnya ada tanda-tanda persefahaman antara kedua-dua pihak. "Diharap dengan MOU itu semua syarikat konsesi memberi kerjasama untuk kepentingan semua pihak, khususnya rakyat Selangor."



**Zulkifli Samijan, 49**  
Pekerja Swasta

"Saya yakin Kerajaan Negeri mampu memberi yang terbaik untuk rakyat Selangor dalam hal ini. "Mungkin dengan kejayaan mengambil alih air itu nanti isu bekalan air seperti yang kita lalui hari ini tidak lagi berulang"



**Mohammad Syauqi, 32**  
Pekerja restoran

"Saya amat yakin sekiranya Kerajaan Negeri ambil-alih, lebih banyak program bantu rakyat yang akan ditawarkan!"



"Kerajaan Negeri lebih memahami masalah dan keperluan rakyat, jadi biar Kerajaan Negeri yang uruskan."

"Dengan perkembangan terbaru ini saya yakin ramai rakyat yang gembira mendengarnya."

"Saya cuma mahu bila saya buka pili, air bersih mengalir ke luar."

Masalah 'angkut air' di Lembah Klang tidak akan berlaku selepas penstrukturran air



# **Notis pengagihan air berjadual di kawasan Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang ekoran penutupan loji rawatan air (Ira) Cheras batu 11 dan Ira Bukit Tampoi**



<b>JADUAL 1 : WILAYAH HULU LANGAT</b>	
<b>ZON 1</b>	
<b>Taman/Kawasan</b>	<b>Pintu Rumah</b>
Taman Juara Jaya	667
Taman Bukit Belimbing	2,300
Taman Sungai Besi Indah 1,2 & 3	5,200
Taman Harmoni Indah	700
Taman Puncak Utama Seri Kembangan	350
Taman Putra Budiman	400
Taman Balakong Jaya	2,486
Taman Seri Timah	350
Taman Tanming Jaya	3,253
Kawasan perindustrian Balakong	60
Taman Industri Selesa Jaya, Seri Kembangan	619
Taman Industri Balakong	130
Taman Tanming Permai	432
Taman Industri Lifong	337
Taman Tanming Ria	85
Taman Sungai Besi Indah Zon 1	1,192
Juta Mines Kondominium Seri Kembangan	606
<b>Jumlah pintu rumah</b>	<b>19,167</b>
<b>ZON 2</b>	
<b>Taman/Kawasan</b>	<b>Pintu Rumah</b>
Kawasan Perindustrian Cheras Jaya	2,697
Taman Impian Ehsan Seri Kembangan	6,844
Taman Desa Karunmas Seri Kembangan	2,470
Kampung Baru Balakong	838
Taman Kasturi Cheras	981
Taman Sri Indah Cheras	675
Taman Bukit Emas	311
Taman Cheras Jaya	2,562
Taman Impian Indah	1,097
Taman Taming Indah	290
Taman Sejati	59
Taman Seri Sungai Long	397
Taman Bukit Sungai Long	200
Rumah Kenangan Cheras	50
Taman Dutamas	299
Taman Setia Kasturi Cheras	108
AEON Cheras Selatan	50
Taman Industri Balakong Jaya	148
Taman Setia Balakong	793
Taman Sinaran	180
Kawasan Perniagaan Desaria	
Seri Kembangan	129
Dataran C180 Balakong	100
<b>Jumlah pintu rumah</b>	<b>21,278</b>

## **TEMPOH PERLAKSANAAN PELAN PENGAGIHAN AIR BERJADUAL**

**Bermula 27 Februari 2014 (Khamis) hingga 31 Mac 2014 (Isnin).** Tempoh ini tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa oleh Kerajaan Negeri Selangor dan SPAN.

**SPAN:**  
Kawasan yang terlibat di Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang dibahagikan kepada 2 zon seperti dalam JADUAL 1 dan 2.

## JADUAL PENGAGIHAN

Jadual pengagihan berdasarkan konsep pembekalan air: dua (2) hari dapat air dan dua (2) hari tiada air.

Untuk zon yang dijadualkan ada air, pengguna dijangka mendapat bekalan air pada jam 4 petang pada hari zon tersebut dijadualkan ada air. Bekalan air dijangka berterusan selama kira-kira 41 jam sehingga ditutup semula pada jam 9 pagi 2 hari selepas itu.

Untuk zon yang yang dijadualkan tiada air, bekalan air kepada pengguna dijangka mula terhenti pada jam 9:00 pagi pada hari zon tersebut dijadualkan tiada air. Tempoh tiada air dijangka selama kira-kira 55 jam sehingga dibuka semula pada jam 4 petang 2 hari selepas itu.

Oleh kerana perbezaan jarak di antara kolam air dengan setiap pengguna; dan perbezaan paras ketinggian kawasan pengguna dengan kolam air, masa sebenar pengguna mendapat bekalan air dijangka berbeza beberapa jam dari masa yang dijadualkan.

# **TEMPOH PERLAKSANAAN PELAN PENGAGIHAN AIR BERJADUAL**

Tiada bantuan air menggunakan lori-lori tangki dan tangki air statik bagi zon yang dijadualkan tiada air KECUALI bagi pengguna kritisikal atau situasi yang amat memerlukan seperti upacara kematian, kenduri, pusat dialysis, hospital (kerajaan/swasta), rumah kebajikan dan lain-lain.

Bagi zon dijadualkan ada bekalan air tetapi mengalami gangguan bekalan air disebabkan berada di kawasan tinggi atau di penghujung sistem agihan, bantuan air menggunakan lori tangki dan tangki air statik akan disediakan atas permintaan.

Keutamaan tangki statik akan diletakkan di tempat-tempat yang sesuai mengikut keutamaan.

Catatan untuk pengguna komersial dan industri:  
Bantuan bekalan air tidak akan diberi kepada pengguna komersial dan industri. Pengguna komersial dan industri boleh memohon pembelian air dari pihak Syabas dengan menyediakan pengangkutan sendiri dan tertakluk kepada kelulusan Syabas.

<b>JADUAL 2 : WILAYAH KUALA LANGAT &amp; SEPANG</b>	
<b>ZON 1</b>	
<b>Taman/Kawasan</b>	<b>Pintu Rumah</b>
Kampung Olak Lempit	1,295
Kampung Bukit Changgang	440
Kampung Labohan Dagang	1,112
Selangor Dredging	167
Taman Changgang Jaya	285
Kompleks Perabut Olak Lempit	124
RTB Bukit Changgang	424
Bandar Sri Ehsan	1,132
Bandar Mahkota	1,396
Bandar Sungai Emas	272
Taman Arked	251
Taman Ambar	138
Taman Sri Dagang	103
Taman Langat Murni	1,146
Taman Langat Utama	597
Taman Murnimas	468
Taman Seri Telok Datok	416
Taman Sri Cheding	100
Sekolah Tamil Sungai Sedu	1
<b>Jumlah pintu rumah</b>	<b>9,867</b>
<b>ZON 2</b>	
<b>Taman/Kawasan</b>	<b>Pintu Rumah</b>
Kota Warisan	3,176
Warisan Bestari	346
Taman Bunga Raya	388
Taman KLIA Indah	135
Tiara Heights	155
Taman Ixora	627
Taman Dahlia	1,063
Taman Seroja	962
Taman Mawar ( Mawar 1, Mawar 2, Mawar Perdana, Emas Villa )	1,500
Taman Kenanga	179
Taman Desa Vista	
Taman Desa Bestari	
Salak Permai	148
<b>Jumlah pintu rumah</b>	<b>9,873</b>
Bilik gerakan/operasi dan pusat informasi pengguna adalah seperti berikut:	
 Talian baharu 24 jam <b>1-800-88-5252</b>	
 <b>39222</b>	
	

Bilik gerakan/operasi dan pusat informasi pengguna adalah seperti berikut:



 **PUSPEL** 1-800-88-5252 [www.puspel.com](http://www.puspel.com)



## Selangor beri anugerah khas pangsapuri terbaik

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor akan memberi penganugerahan khas kepada pangsapuri yang berjaya mengurus dan menyelenggara bangunan dengan baik.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata anugerah itu diwujudkan bagi menggalakkan persaingan sihat di kalangan pengurusan bangunan agar mengamalkan pengurusan, penyenggaraan dan perkhidmatan terbaik.

Katanya, program tersebut adalah sebahagian daripada Kempen Pangaspuri Kita Bersih, Ceria Dan Harmoni (Ceria) yang dilancarkan pada tahun 2009.

"Anugerah terbahagi kepada dua kategori iaitu Anugerah K-STAR dan Anugerah Ceria.

"Kesemua anugerah ini dinilai di bawah Program Komuniti Bestari (K-STAR) Pangaspuri Negeri Selangor sejak November tahun lepas dan anugerah akan disampaikan pada Himpunan Perdana JMB Negeri Selangor 2 Mac depan di Bangi," katanya dalam satu kenyataan.

Antara panel penilai terdiri dari Pejabat Exco Perumahan, Pengurusan, Bangunan Dan Setinggan, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Pesuruhjaya Ban-

gunan di Pihak-Pihak Berkuala Tempatan (PBT).

Anugerah K-STAR khusus untuk pangaspuri-pangsapuri yang telah dijual pada harga RM72,000 ke bawah.

Manakala, Anugerah Ceria untuk pangaspuri yang telah lebih setahun dibaik pulih di bawah Program Baik Pulih Negeri Berkebajikan (Ceria).

"Sekurang-kurangnya 11 kawasan pangaspuri telah disenarai pendek untuk dipertimbangkan bagi menerima Anugerah K-STAR.

"Sementara untuk Anugerah Ceria sebanyak 43 kawasan pangaspuri akan dipertimbangkan untuk diberikan anugerah," jelasnya.

**Kesemua anugerah ini dinilai di bawah Program Komuniti Bestari (K-STAR) Pangaspuri Negeri Selangor sejak November tahun lepas**

**ISKANDAR ABDUL SAMAD**  
Exco Perumahan



Iskandar meninjau kerja-kerja baik pulih paip pecah di Pangaspuri Ruvena Villa, Taman Putra Perdana

Himpunan perdana temukan JMB-MC dan Kerajaan Negeri

## Mantapkan sistem tadbir urus pangsapuri

OLEH AFIX REDZUAN

**PUCHONG** - Kerajaan Selangor akan menganjurkan Himpunan Perdana JMB/ MC Negeri Selangor pada 2 Mac ini bertempat di Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis).

Himpunan yang dianjurkan buat kali ketiga sejak tahun 2009 terbuka untuk penyertaan semua Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan pengurusan (MC) bagi memantapkan sistem pentadbiran warga pangaspuri.

Exco Perumahan Selangor, Iskandar Abdul Samad, berkata himpunan ini memberikan peluang kepada JMB dan MC untuk bertemu dengan pelbagai agensi di Selangor seperti Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), Pejabat Tanah dan Galian Pihak Berkuala Tempatan dan Jabatan Kesihatan dan Keselamatan (JKKP).

"Adalah dijangkakan masalah seperti migrasi meter pukal kepada meter individu, pengeluaran hakmilik strata dana pembayaran yuran penyelenggaraan yang ter-

tunggak akan dibangkitkan pada himpunan ini supaya jalan penyelesaian dapat diusahakan.

"Program ini adalah sebahagian daripada Kempen Bersih, Ceria dan Harmoni yang dilancarkan pada tahun 2009," katanya kepada media sewaktu Program Lawatan Tapak Projek Baik Pulih Negeri Berkebajikan dan Penguamanan Himpunan JMB Perdana Negeri Selangor.

Majlis perasmian himpunan bakal disempurnakan oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

## PKNS anjur pameran Koleksi Hartanah Mac ini

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) mencatatkan jumlah jualan lebih RM8.6 juta dalam tempoh empat hari pertama pameran.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim, berkata antara projek yang mendapat sambutan ialah kondominium Pinang Heights, sebuah projek dengan gabungan elemen penting dalam Indeks Bangunan Hijau (GBI) yang

mencatatkan jualan ter-tinggi.

Pinang Heights yang terletak di Seksyen 18, Shah Alam adalah eksklusif dengan 60 unit sahaja dilengkapi dengan kolam renang, kawalan keselamatan 24 jam dan pelbagai kemudahan kondominium.

"Hartanah dengan ruang seluas daripada 1,238 hingga 1,421 kaki persegi ini amat sesuai bagi mereka yang ingin kediaman sendiri atau melabur," katanya.

Pameran yang memaparkan

koleksi-koleksi Hartanah PKNS bertemakan 'Enriching Lives' 2014 itu bermula pada 14 Februari hingga 9 Mac di SACC Mall.

Pameran itu juga mengetengahkan projek Citrina 2 di Bernam Jaya dan Lot Pejabat Gapi Venue 3 Antara Gapi, Citrina 2 iaitu rumah kluster moden dua tingkat dengan dikelilingi persekitaran hijau yang dijual bermula daripada RM292 ribu dengan keluasan 1,453 hingga 2,038 kaki persegi.

Menurut Ishak, terdapat dua lagi projek yang akan dilancarkan oleh PKNS dan kini dibuka untuk pendaftaran iaitu teres dua tingkat di Kota Puteri dan rumah berkembar di Antara Gapi.

"Pelbagai ganjaran menarik yang menanti bakal pembeli sepanjang tahun ini termasuk peluang memenangi jongkong emas yang ditawarkan sempena jubli emas PKNS tahun ini," katanya.

**Pameran yang memaparkan koleksi-koleksi Hartanah PKNS bertemakan 'Enriching Lives' 2014 itu bermula pada 14 Februari hingga 9 Mac di SACC Mall**

# SKIMSEL tunaikan impian ibu tunggal

LAPORAN KHAS  
OLEH

NAEEM RAFFI



**JIKA** ada minat, kesungguhan, tanpa kenal erti putus asa, segalah kebuntuan mampu dirungkai menjadi kenyataan.

Itu yang cuba dibuktikan, Nur Atikah Martha, 39, ibu tunggal yang menjadikan kerjaya menjahit sebagai sumber pendapatan bagi melangsungkan kehidupan dalam membesar tiga anaknya selepas berpisah dengan suami.

Membuka butik dengan jenama 'Faiqa Collection' serta berjaya menyara pengajian anak sulungnya ke Maahad Tahfiz Makkah Al-Muqarammah, itu kejayaan yang wajar dibangga dan dicontohi ramai pihak.

"Sejak berpisah dengan suami pada 2007, saya terpaksa berhenti kerja dan mencari pekerjaan lain yang boleh dilakukan di rumah untuk menjaga anak-anak yang masih kecil ketika itu.

"Dari bidang IT saya terjun ke bidang jahitan. Saya ke kelas jahitan yang dibiayai rakan baik dan akhirnya berjaya menjadikan ia sebagai sumber pendapatan," jelasnya kepada Selangor Kini.

Bermula 2009, Atikah memulakan langkah mengambil upah menjahit secara kecil-kecilan di rumah. Namun berkat kesungguhan, akhirnya beliau berjaya membuka butik pakaian.



Kekemasan jahitan, sentuhan sulaman yang halus, serta tata hias manik dan labuci yang menarik, berjaya menempatkan butiknya di pasaran yang lebih luas.

Selain tempahan daripada individu, Faiqa Collection juga sering menerima tempahan pukal daripada perniagaan pakaian Muslimah.

Atas tempahan yang tidak henti-henti, Atikah mula memikirkan modal untuk memajukan lagi perniagaannya.

Impian itu tercapai apabila seorang kenalan mencadangkan kepada Atikah supaya menyertai Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel), sebuah program bantuan kewangan untuk perniagaan.

"Saya bantu memikirkan bagaimana cara untuk saya dapat-

kan bantuan modal.

Simpanan belum stabil dengan perniagaan baru meningkat naik ketika itu, sukar bagi saya dapatkan bantuan modal daripada bank.

"Sehingga saya diperkenalkan dengan Skimsel dan ia terbukti banyak membantu perniagaan saya," katanya.

Bermula pertengahan 2011, Atikah memperoleh modal awal RM3,000 melalui Skimsel dan menggunakan untuk membeli perkakasan dan alatan menjahit. Manakala pinjaman

kali kedua RM5,000 digunakan untuk menambah mesin jahit.

Kini butiknya memiliki tujuh mesin jahit dengan dua tenaga kerja tetap termasuk lima pelajar praktikal.

Daripada pembikinan busana kurung biasa dan pahang, butiknya kini memperlakukan produk keluarannya kepada jubah Muslimah, tudung, baju Melayu, kemeja lelaki dan langsir.

"Permintaan saban hari semakin tinggi. Secara purata, saya perlu siapkan kira-kira 400 pasang jubah dan 200 pasang kurung pelbagai jenis sebulan.

"Malah pada mu-



sim perayaan, tempahan baju kurung sahaja boleh mencapai 2,000 pasang," katanya. Kini beliau mampu meningkatkan pendapatan bulanan daripada RM1,500 kepada RM5,000.

Kecemerlangan perniagaannya itu meyakinkan Skimsel untuk memberi pembiayaan RM10,000 menjelang Mac ini.

Atikah berhasrat memanfaatkan dana itu untuk melebarkan perniagaannya termasuk membuka akademik jahitan.

"Kalau dulu saya dibantu, kini masa saya pula membanding. Saya buka peluang kepada saudara baru (mualaf), ibu tunggal dan pelajar lepasan SPM untuk menjadikan kerjaya menjahit ini sebagai sumber pendapatan.

"Di akademi itu nanti mereka akan diajar jahitan asas, pembikinan baju kurung biasa dan kedah dengan bayaran serendah RM240 untuk 12 jam sesi pembelajaran," jelasnya.

**BERMINAT MENEMPAH PAKAIAN?**

**FAIQA COLLECTION**

: 019 - 2505 041

: anum.mekar@yahoo.com



# Rancang atasi banjir kilat

## HASBULLAH MOHD RIDZWAN

ADUN GOMBAK SETIA

Tarikh Lahir : 3 Julai 1975  
Asal : Kampung Nakhoda, Batu Caves, Gombak  
Isteri : Ruhaila Mohamed  
Anak : 4 orang

### PENDIDIKAN

- Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Maahad Hamidiah, Kajang, Selangor.
- Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor.
- Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fakulti Dakwah & Ilmu Komunikasi di Universiti Islam Negeri Sultan Sharif Kasim, Riau, Indonesia.

### PENGALAMAN POLITIK

- Ketua Dewan Pemuda PAS Selangor (2009 - 2013)
- Timbalan Ketua Pemuda Pas Selangor (2013 - kini)
- Naib Dipertua PAS Kawasan Gombak (2013 - kini)
- Memangku Timbalan Yang Dipertua PAS Kawasan Gombak (2012- 2013)

### PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT (PKM)

#### DUN GOMBAK SETIA

Jalan Berjaya 6, Taman Berjaya, 68100 Batu Caves, Selangor. Tel : 03-6188 7869 Fax : 03-6188 0685  
Email : [ybgombaksetia@gmail.com](mailto:ybgombaksetia@gmail.com)  
Blog : <http://www.ustaz-hasbullah.blogspot.com>  
Facebook : <https://www.facebook.com/ustazhasbullah>  
Twitter : <https://twitter.com/ustazhasbullah>  
Instagram : <http://instagram.com/ustazhasbullah>

OLEH HAFIZAN TAIB

**ADUN** Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan menjelaskan masalah banjir kilat yang berlaku di Kampung Kerdas dan Taman Gombak Ria akan diatasi dalam masa terdekat.

Beliau berkata, hasil perbincangan bersama Pegawai Daerah Gombak dan Jurutera Jabatan

Parit dan Saliran Selangor merumuskan kerjasama akan dilakukan demi mengatasi masalah berkenaan.

“Kita mengetahui pasti dua kawasan itu sebagai kritikal termasuk Taman Gombak Indah. Bagaimanapun Kampung Kerdas dan Taman Gombak Ria sudah ada perancangan bagi

jalan penyelesaianannya.

“Kita harap usaha ini dapat dijalankan secepat mungkin demi kemudahan masyarakat di DUN ini,” katanya.



Selain itu masalah hak pemilikan tanah dan infrastruktur juga akan mendapat perhatiannya untuk diatas dari masa ke semasa.

Kebanyakan isu itu berlaku di kawasan kampung tradisi dan sebahagian di kawasan taman perumahan.

“Masalah ini kerana kebanyakannya kawasan di kampung tidak digazetkan atau di atas tanah persendirian. Keadaan ini membulatkan masalah terutama dalam isu pengambilalihan serta peruntukan Kerajaan Negeri.

“Bagi kawasan taman perumahan pula kebanyakannya isu seperti rumah pangsa atau bangunan strata lama yang tiada pengurusan Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang tersusun,” katanya.



## SMUE catat jumlah tertinggi penyertaan

**PROGRAM** Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di DUN Gombak Setia yang dipromosikan secara berterusan menyebabkan penyertaan peserta dalam beberapa skim mencatat jumlah tinggi terutama Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

SMUE mendahului skim lain di bawah MES dengan acara dijalankan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN termasuk Jom Shopping sentiasa berjaya menghimpunkan ramai peserta.

Hasbullah berkata, promosi sistematis dan teratur menyebabkan MES mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat tempatan di DUN berkenaan.

Pendekatan yang dilakukan dengan turun padang ke kawasan orang ramai seperti pasar harian, pasar malam dengan petugas kaunter bertindak memberikan penerangan kepada orang awam.

“Ia memang berkesan. SMUE contohnya kalau dilihat dari segi jumlah penyerahan sumbangan kepada peserta mencatatkan angka yang tinggi.

“Jom Shopping SMUE dianjurkan juga dalam beberapa siri dengan sambutan menggalakkan termasuk musim perayaan Aidilfitri, Deepavali dan Tahun Baru Cina yang mencapai sasaran kuota



ditetapkan Kerajaan Negeri.

“Begitu juga skim Mikrokredit Miskin Bandar Selangor (Mimbar) dengan peserta melebihi 200 orang yang mana ramai peserta menunjukkan kesungguhan dalam membina kejayaan dalam bidang diceburi.

“Kita juga merancang memwujudkan MimbarMart di sini untuk menempatkan hasil diusahakan peserta untuk tujuan pasaran,” katanya.

Hasbullah berkata, skim lain seperti Insentif Perkahwinan Belia, Had-

iah Anak Masuk Universiti dan Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) turut mendapat penyertaan membanggakan dari kumpulan sasaran.

Begitu juga, katanya, Pusat Tuisyen Rakyat (PTR) yang mana seramai kira-kira 60 pelajar menyertainya tahun lalu dan ia mencatatkan jumlah yang lebih pada tahun ini dengan 70 orang setakat ini.

“Bermula Mac ini kita akan meneruskan promosi untuk mencapai sasaran penyertaan kepada 100 pelajar,” katanya.

### PROGRAM MES DUN GOMBAK SETIA

SKIM	MAKLUMAT
SMUE	Jumlah berdaftar : 3,936 Jumlah masih hidup : 3,221 Jumlah yang telah mendapat manfaat : 818 (setakat 25 Feb 2014)
TAWAS	Jumlah yang lulus : 1,033 Jumlah yang gagal : 296
INTENSIF PERKAHWINAN BELIA	61 orang (setakat 19 Feb 2014)
JOM SHOPPING WARGA EMAS	1,290 orang (setakat 31 Okt 2013)
JOM SHOPPING IBU TUNGGAL	155 orang (setakat 18 April 2013)
HADIAH MASUK IPT	90 orang yang telah memohon
JOM SHOPPING PERAYAAN	Hari Raya Aidilfitri : 500 orang CNY : 400 orang Deepavali : 400 orang Back To School : 600 orang (bermula Mei 2013)
SKIM KESIHATAN WANITA (PEMERIKSAAN MAMOGRAM)	150 orang (sehingga 28 Feb 2013)

## Jalin hubungan melalui dialog dan kempen

**ADUN** Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan membina hubungan mesra bersama masyarakat setempat dengan banyak mengadakan majlis perjumpaan seperti dialog dan kempen sejak hampir setahun lalu.

Melalui usaha itu juga, pelbagai masalah dihadapi rakyat di DUN berkenaan dapat dikenal pasti untuk ditangani secara bersama.

“Majlis dialog diadakan adalah salah satu usaha kita mendekati masyarakat, selain menyelami kehendak dan keperluan mereka. Kita juga mejalankan pelbagai kempen ke-

sedaran termasuk pendidikan seperti isu de-ngegi, kebersihan dan keselamatan.

“Kaedah dilakukan ternyata berhasil apabila masyarakat setempat memberi reaksi positif melalui maklum balas diterima. Hubungan dijalin menerusi media sosial seperti Facebook juga,” katanya.

Kebanyakan program itu digerakkan secara bersama dengan pihak berkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

“Kita sudah mengadakan program seperti itu di lebih 20 kawasan di DUN ini dan masyarakat menerima baik kerana dapat bersemuka terus dan mendedahkan isu dan masalah dialami selama ini.

“Bersesuaian dengan latar belakang saya yang berkelulusan agama, saya juga banyak mengadakan majlis ilmu dan ceramah agama,” katanya yang terkenal dengan gelaran Ustaz Hasbullah.



## Bersih, Sejahtera dan Berkebajikan untuk kebaikan rakyat

**KONSEP** Bersih, Sejahtera dan Berkebajikan dipraktikkan Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan dalam menjaga kebajikan rakyat bawah jagaannya.

Demi mencapai sasaran ditetapkan, Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) DUN secara konsisten menjalankan pelbagai program komuniti dan pendidikan ilmu untuk manfaat rakyat dengan kerjasama komuniti tempatan, selain pihak berkuasa termasuk Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

“Antara program dirancang bersama masyarakat setempat ialah mengenai kebersihan persekitaran meliputi soal sampah, iklan dan banner haram serta gotong-royong untuk pembersihan kawasan.

“Bagi bersih dari sudut dalam pula, kita adakan program ilmu dengan mengajak masyarakat supaya turut serta kerana dengan cara itu akan tercenna penampilan luaran yang lebih bermakna.

“Salah satu program ilmu ialah Kuliah Dhuha dijalankan sebulan sekali di beberapa surau Taman Samudera yang berlangsung secara konsisten dengan beberapa tenaga pengajar ditugaskan untuk tujuan berkenaan,” katanya.

Selain itu, Hasbullah berkata, Pusat Wanita Berdaya (PWB) juga digerakkan dengan aktif menerusi penyertaan melebihi 100 pe-

serta dengan perkongsian ilmu dalam pelbagai bidang kemahiran diceburi.

Untuk golongan muda pula, katanya, program hiburan santai sambil mendidik dijalankan pada sebelah petang atau malam mengikut waktu bersesuaian dan terluang.

“Di samping pengisian yang ada, kita juga mendengarkan keluhan anakmuda,” katanya yang merancang pembinaan dua gelanggang serbaguna untuk memenuhi keperluan golongan berkenaan dalam tempoh lima tahun ini.

Konsep Bersih, Sejahtera dan Berkebajikan membawa misi memahami kehendak dan keperluan masyarakat setempat serta menyelesaikan masalah pembangunan prasarana setempat.



## Angkut air tinggal sejarah, air percuma bakal ‘merebak’

**B**arang kali sebahagian rakyat di Selangor masih mengeluh lantaran



terpaksa bersusah payah mengangkut air berbaldi-baldi dari lori tangki.

Di Perak juga. Johor juga. Kedah juga. Negeri Sembilan juga. Namun, teropong media arus perdana hanya nampak di Selangor.

Malah, daya lihat mereka juga seakan-akan terkutup rapat terhadap kegagalan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) menangani masalah amonia di Sungai Langat.

Malah, turut ingkar terhadap arahan kerajaan Selangor untuk mengurangkan pelepasan air ketika paras bahan mentah itu di beberapa kawasan mengalami penurunan.

Juga gagal membentang penjadualan air dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bekalan Air Negeri Selangor. Bukan sekali, tetapi empat kali.

Biarkan... sekurang-kurangnya buat masa ini. Kerana, pada masa depan, media arus perdana akan terlopong - belum tentu ada peluang berbuat demikian di Selangor.

Kecuali mengadakan lakonan fitnah yang menjadi asam garam mereka.

Kerana, dengan termeterai-

**Selangorkini**  
**EDITORIAL**

nya memorandum persefahaman (MoU) yang membenarkan kerajaan Selangor mengambil alih industri air, masalah bekalan air hampir pasti ditangani dengan jitu.

Manakala, penduduk Kuala Lumpur dan Putrajaya barangkali sudah mula bercerita tentang kelebihan air percuma 20 meter padu yang bakal dinikmati.

Inilah kecekapan pentadbiran kerajaan Selangor pimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang gagal ditiru pemimpin Umno-BN sepanjang lebih 50 tahun berkuasa.

Sekalipun mengambil masa agak panjang lantaran kerena syarikat konsesi yang tak sudah-sudah, akhirnya penstrukturkan industri air tetap berlaku jua.

Sekaligus, ia bakal menjadi penanda aras kepada peningkatan kualiti kehidupan rakyat di Selangor. Tiada lagi angkut air, dapat pula air percuma.

Namun, media arus perdana tidak perlu risau. Masih ada negeri Umno-BN untuk buat liputan berita ‘rakyat angkut air’.

Di Selangor, masalah itu mungkin hanya sejarah.

*Ketua Pengarang*

**Selangor Kini**

**SIDANG PENGARANG**

**PENASIHAT:** Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafizah Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafizantaib@yahoo.com, Lizawati Madfa,

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

# Album

8 | Selangorkini 28 Februari - 7 Mac 2014



► Adun Chempaka, Iskandar Samad, menyerahkan air minuman kepada penduduk Labuhan Dagang, Kuala Langat. Hadir sama, Ahli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maidin, Adun Bangi, Shafie Ngah dan Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan



► Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, bersama wanita Kajang, sewaktu Program Makanan Sihat Keluarga, anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB) Selangor di Taman Taming Impian



► Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz (kiri) memasak susu sewaktu Pesta Kebudayaan Kaum India, di Kampung Tasik Permai, Ampang



► Makan Malam Sempena Tahun Baru Cina anjuran Pusat Khidmat Masyarakat DUN Gombak Setia. Kelihatan Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan, menyampaikan sumbangan kepada warga emas



**Ean Yong Hian Wah**  
Exco Pembangunan Kampung Baru

**KLANG** - Aktiviti lukisan mural bukan sahaja memberi peluang kepada artis tempatan menonjolkan kreativiti, malah juga menceriakan dan menjadikan Kampung Bagan Sungai Lima nampak menarik dan kreatif.

Exco Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Pembangunan Kampung Ba-

## Lukisan mural cantikkan kampung

haru serta Pemutihan Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah berkata, lukisan mural itu dilakukan artis daripada Persatuan Kesenian Sasaran, baru-baru ini.

Menurutnya, projek fasa per-

tama untuk 9 lukisan mural sudah selesai, fasa ke-2 dijangka bermula April ini.

"Pelbagai lukisan mural yang berwarna-warni, membuatkan persekitaran kampung menjadi lebih menarik, penduduk amat

gembira dengan perubahan ini," katanya

Beliau berkata, Kampung Bagan Sungai Lima adalah kawasan bagan pertama yang menjalankan aktiviti lukisan mural di negeri Selangor.

Katanya, memandangkan aktiviti seperti ini semakin popular, Kerajaan Negeri menggalakkan lebih ramai artis ke dalam bidang penciptaan seni, untuk meningkatkan pembangunan pelancongan.



## Masalah pembangunan di Selayang Heights

**SELAYANG** - Adun Taman Templer, Zaidy Abdul Talib bersama-sama kakitangan Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Taman Templer, turun padang melawat tapak bangunan bermasalah di Selayang Heights.

**Zaidy Abdul Talib**  
Adun Taman Templer

Zaidy juga sempat berbincang dengan pemaju projek tersebut tentang masalah yang sebenarnya berlaku.

Dalam sesi lawatan tersebut, didapati beberapa tapak pembinaan tanpa permit dikenal pasti.

Perkara tersebut akan dipantau dari semasa ke semasa dan akan mengemaskini perkembangan perjalanan projek tersebut.

## Bantu ceriakan sekolah

**PETALING JAYA** - Adun Bukit Gasing, Rajiv Rishyakaran memberi sumbangan bagi kerja-kerja mengelat Sekolah Kebangsaan Sri Damai untuk menceriakan kawasan sekolah it.

Projek yang bermula 2 Januari itu, siap sepenuhnya pada 23 Januari dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) turut sama memberikan sumbangan cat.

Projek yang menelan belanja RM19,964.00 itu dikeluarkan melalui tender terbuka oleh Pejabat Daerah Petaling pada awal Disember 2013.

Wakil PIBG Sekolah Rendah Damai, Mohd Dzahir Samsudin, berkata beliau mengucapkan



terima kasih kepada Adun dan MBPJ kerana berusaha memperindahkhan kawasan sekolah itu.

**Rajiv Rishyakaran**  
Adun Bukit Gasing



## Jeti terbiar sesuai jadi pusat latihan kenu

**KUALA SELANGOR** - Sebuah jeti terbiar dan terbengkalai sebelum tahun 2008 yang terletak di Muara Kuala Selangor dikenal pasti untuk dijadikan pusat latihan kenu.

Pengerusi Adat Istiadat Melayu, Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairi bersama-sama dengan Adun Kota Anggerik, Dr Yaacob Sapari melakukan lawatan ke kawasan itu baru-baru ini.

Dr Yunus bersetuju agar jeti berkenaan dinaik taraf supaya dapat dijadikan pusat kenu untuk memberi peluang kepada anak muda, belia, pelajar sekolah dan mahasiswa menjalani latihan.

**Yunus Hairi**  
Exco Infrastruktur

# Kematian akibat denggi rendah

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Kes kematian akibat denggi di Selangor adalah rendah berbanding negeri lain, hasil pantauan dan tindakan berterusan setiap minggu.

Menyanggah dakwaan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S. Subramaniam baru-baru ini, Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi, berkata agensi Kerajaan Negeri dan kesemua 12 Pihak Berkua-sa Tempatan (PBT) bertungkus-lumus memerangi nyamuk aedes, terutamanya sepanjang tiga bulan lalu.

"Statistik Selangor tinggi (kesdenggi) adalah kerana Selangor ini negeri tumpuan.

"Lembah Klang sebagai kawasan urban dengan populasi penduduknya yang padat, tentu jumlah sampahnya juga lebih daripada tempat lain.

"Biarpun statistik tinggi, Selangor berjaya mengatasikeskematiak akibat denggi. Sebagai contoh 2013, Selangor men-

**Dr Daroyah Alwi**

catatkan lebih 24,000 kes denggi tetapi berjaya meminimalkan angka kematian.

"Berbanding tempat (negeri) lain, kesnya rendah tetapi angka kematiannya jauh lebih tinggi berbanding Selangor. Ini bermaksud Selangor berjaya tangani kes denggi dengan baik," jelasnya.

Mempertahankan usaha PBT dan agensi-agensi Kerajaan Negeri, Dr Daroyah berkata, kempen memerangi denggi termasuk mengambil pendekatan proaktif seperti siri pro-

gram kesedaran masyarakat dan program gotong-royong di lokasi-lokasi 'hot spot'.

Selain itu, Selangor turut menjadi negeri pertama melaksanakan eksperimen melawan nyamuk aedes secara biologi.

"Program cegah aedes menggunakan inovasi Toxo adalah usaha MPSJ yang sangat membanggakan. Bagaimana pun ia masih dalam peringkat kajian dan masih banyak lagi perkara yang perlu dikaji," jelasnya kepada Selangor Kini.

Berdasarkan kajian, spesis nyamuk ini tidak menghisap, darah sebaliknya menyedut air dari tumbuhan hijau dan jentik-jentik Toxo memakan jentik-jentik aedes sebagai sumber makanan.

"Nyamuk toxo juga memerlukan kawasan hijau (hutan) sebagai habitatnya. Jadi ia juga kekangan kepada usaha ini sekiranya kawasan 'hot spot' denggi itu adalah dikawasan bandar yang tiada kawasan hijau," jelasnya.

## MPSJ hasrat kembang projek nyamuk Toxo

**SHAH ALAM** - Majlis Perbadanan Subang Jaya (MPSJ) berhasrat mengembangkan projek pembedakan nyamuk Toxorhynchites (Toxo).

Keputusan tersebut diambil setelah projek perintis yang dijalankan di Kampung Sri Aman di Subang Jaya sebagai tapak kajian sejak Jun 2011 mendatangkan hasil positif dan membanggakan.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk

Asmawi Kasbi, berkata kajian peringkat awal mendapat bilangan kes demam denggi di tapak kajian menunjukkan penurunan ketara.

"Jentik-jentik nyamuk Toxo atau 'nyamuk gajah' bertindak memakan jentik-jentik nyamuk aedes, sekaligus mengurangkan pembedakan pembawa demam denggi.

"Inovasi ini berjaya dan MPSJ berhasrat melepaskan lagi jen-

tik-jentik dan nyamuk Toxo ke kawasan lain dengan harapan ia dapat membantu mengurangkan penularan kes denggi yang semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini," katanya.

Bermula 2011, MPSJ dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dan bank CIMB mengerakkan usaha ini.

Kampung Sri Aman dipilih sebagai tapak kajian memandangkan kawasan itu mencatatkan wabak denggi terburuk dengan 20 kes dilaporkan bagi tempoh bermula Mac 2011 hingga April 2012.

Bagaimana pun, dalam tempoh sekitar Ogos 2012 sehingga Julai 2013, tiada kes denggi dilaporkan di kampung itu.

Pada September 2013, MPSJ memperluas program itu ke Pangsapuri Sri Tanjung, di USJ 16 berikutan populasi nyamuk aedes yang tinggi, antara 500 ke 700 jentik-jentik setiap bulan.



**Nyamuk gajah atau Toxorhynchites ini akan (Toxo)**  
dilepaskan bagi mengurangkan populasi nyamuk aedes

## Kenal pasti kesihatan dari rumah ke rumah



**Kaunter kesihatan dibuka kepada orang ramai sewaktu Seminar Kesihatan Sempena Hari Kanser Sedunia 2014**

**PETALING JAYA** - Kerajaan Negeri akan melaksanakan program kesihatan dari rumah ke rumah bagi mengenal pasti tahap kesihatan keluarga di Selangor.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail berkata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sudah memberi arahan untuk menghantar petugas sukarelawan bagi tujuan itu.

Pada peringkat permulaan 10 kawasan mengikut daerah dikenal pasti untuk melaksanakan program itu.

Antaranya di kawasan Desa Mentari, Lembah Subang, Rimba Jaya, Projek Perumahan Rakyat Hicom, Seri Perantau dan Bandar Sultan Suleiman.

"Melalui program ini, Kerajaan Negeri akan cepat dapat maklumat mengenai permasalahan mereka dan kita akan cuba bantu.

"Contohnya, bagi yang mempunyai kewangan mungkin tiada masalah tetapi bagi golongan berpendapatan rendah akan mengenepikan masalah ini," katanya selepas merasmikan Seminar Kesihatan Sempena Hari Kanser Sedunia 2014, baru-baru ini.

Rodziah turut memaklumkan

**“Kesederan itu ada tetapi mungkin disebabkan faktor kewangan. Oleh itu, Kerajaan Negeri mengamalkan konsep ‘kita bawa dan kita datang’**

### **RODZIAH ISMAIL**

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita


kesihatan golongan wanita di Selangor masih berada di tahap rendah.

"Kesederan itu ada tetapi mungkin disebabkan faktor kewangan. Oleh itu, Kerajaan Negeri mengamalkan konsep 'kita bawa dan kita datang'.

Mengikut statistik dari 2013 hingga kini, seramai lebih 17,000 wanita mendapat pemeriksaan mammogram secara percuma.

"Setiap 100 orang, kita dapat ada satu atau dua orang yang dikenal pasti menghadap kanser, namun disebabkan masih ditahap rendah dan melakukan rawatan yang konsisten, mereka dapat dipulihkan," katanya.

# 49 kakitangan awam Selangor tamat kursus Askar Wataniah



OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Seramai 49 anggota Askar Wataniah berjaya menamatkan Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela Askar Wataniah siri 1 tahun 2014 negeri Selangor, baru-baru ini.

Majlis penutupan di Dataran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) itu disempurnakan SUK negeri yang juga Pengurus Pendukung Askar Wataniah (Jakpaw) Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi.

Kursus yang bermula 25 Januari lalu dan berakhir 23 Februari ini disertai gabungan anggota sukarela askar wataniah, kakita-ngan Pejabat SUK, Jabatan La-tihan Khidmat Negara (JLKN) dan kakitangan syarikat penerbangan Air Asia.

"Penglibatan dan komitmen sukarela wataniah ini merupakan satu sumbangan murni bagi menyahut seruan negara.

"Mereka ini dapat membantu dan beri nilai tambah kepada pembangunan modal insan di organisasi masing-masing," katanya.

Hadir sama dalam majlis itu ialah Panglima 11 Briged, Brigedier Jeneral Datuk Mohamad Khir Abdullah, Komander Rejimen 502 Askar Wataniah, Brigedier Jeneral Prof Datuk, Thanthawi Jauhari Ahmad dan Pengurus Eksekutif Air Asia Berhad, Datuk

Kamarudin Meranun.

Kursus berkenaan bertujuan melatih anggota sukarela supaya mempunyai kemahiran aras ketenteraan, selain meningkatkan disiplin ketahanan mental dan fizikal.

Beliau berharap ketua jabatan kerajaan dapat memberi galakan sepenuhnya kepada kakitangan mereka untuk menyertai Askar Wataniah sebagai benteng kedua pertahanan negara.

Pada upacara itu, Ashrul Mazlan dipilih sebagai penuntut akademik dan keseluruhan terbaik manakala Mohd Fauzee Hamzah dipilih sebagai penuntut kawad terbaik dan pembak terbaik dianugerahkan kepada Mohd Khairul Nizam Ramly.



## JADUAL

### KAEDAH-KAEDAH PENYIASATAN AWAM (SELANGOR) 2014

### NOTIS PENYIASATAN AWAM DI BAWAH SEKSYEN 11 ENAKMEN (PEMAKAIAN) AKTA PERHUTANAN NEGARA 1985

(Subkaedah 7(2))

Menurut seksyen 11 Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 [Enakmen 5/1985], dengan ini diberitahu bahawa terdapat cadangan untuk mengeluarkan tanah dari kawasan hutan simpanan kekal Hutan Simpan Ulu Langat, Hutan Simpan Bukit Sungai Puteh, Hutan Simpan Ulu Gombak dan Hutan Simpan Ampang yang mempunyai butiran dan tujuan pengeluaran seperti berikut:

Daerah	: Ulu Langat dan Gombak
Mukim	: Ulu Langat, Ampang, Ulu Kelang
No. Pelan	: PHN.SEL.(S) 08/3/2 Klt. 16 Bil. (1) yang dipamerkan di Pejabat Pengarah Perhutanan Negeri Selangor dan Pejabat Hutan Daerah Selangor Tengah, Km 11 (Batu 7), Jalan Cheras, 43200 Cheras, Selangor.
Keluasan	: 106.65 hektar
Tujuan	: Pembinaan Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR)

Sehubungan dengan itu, mana-mana orang dalam daerah Ulu Langat dan Gombak yang mempunyai kepentingan boleh mengemukakan bantahan terhadap cadangan tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyiaran notis ini.

Bantahan secara bertulis hendaklah dibuat kepada:

#### PENGARAH

JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR  
TINGKAT 3, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40660 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

# RM68 juta diperuntukkan naik taraf jalan dan saliran

**SHAH ALAM:** Bagi tahun ini sebanyak RM68 juta diperuntukkan dibawah Malaysian Road Records Inventory System (Marris) kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk menaiktaraf jalanraya dan sistem saliran.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan, berkata peruntukan itu adalah yang terbesar di negeri ini, dan berdasarkan kepada kepanjangan jalanraya yang mencecah sehingga 31,000 km.

"Kita membentangkan kertas kerja kepada Kerajaan Negeri untuk 87 pro-

“

**Kita merancang untuk menggunakan dana itu untuk menaiktaraf sistem jalanraya dan bukan sekadar kerja-kerja penurapan**

**DATUK MOHD JAAFAR MOHD ATAN**  
Datuk Bandar Shah Alam



**Kenderaan berat seperti lori menyebabkan jalan raya kembali rosak walaupun dibaiki berulang kali**

kek penyelenggaraan.

"Kita rancang untuk menggunakan dana itu untuk menaik taraf sistem jalan raya dan bukan sekadar kerja-kerja penurapan," kata Mohd Jaafar, dipe-

tik dari The Star.

Menurut beliau lagi, jurutera MBSA akan berada di lapangan sepanjang tempoh naik taraf bagi memastikan ia menepati piawai yang ditetapkan.

## LRT dibina antara stadium, Uitm



**SHAH ALAM -** Laluan Transit Aliran Ringan (LRT) akan dibawakan Shah Alam, merentasi Seksyen 13 berhampiran Stadium Shah Alam sehingga ke Seksyen 7 berhampiran

Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Bercakap kepada media seusai majlis Zon Bersih Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Datuk Bandar Mohd Jaafar Mohd Atan berharap peminat-peminat sukan bola sepak akan memanfaatkan kemudahan sepenuhnya.

Beliau berkata, projek penambahan laluan LRT itu juga akan diteruskan sehingga ke Klang.

Sementara itu, MBSA akan menerima kira-kira RM11 juta untuk menaik taraf pengkalan bas Seksyen 17 dan Seksyen 19.

“

**Projek penambahan laluan LRT itu juga akan diteruskan sehingga ke Klang**

**MOHD JAAFAR MOHD ATAN**  
Datuk Bandar



**Gan Pei Nei, meninjau keadaan lalu lintas yang menjadi rungutan pengguna jalan raya di Rawang**

## Laluan Bandar Rawang diubah suai pastikan kelancaran lalu lintas

**RAWANG -** Jalan sekitar bandar Rawang diubah suai bagi melancarkan lalu lintas dan memudahkan orang ramai mengunjungi kawasan perniagaan dan Pasar Moden Rawang.

Antara jalan yang disasarkan untuk penambahbaikan adalah Jalan Bandar Rawang yang ditukar kepada laluan dua hala, dan lorong belakang Hotel Sahara yang ditukar kepada laluan sehala, bagi mengelakkan kekeliruan pengguna.

Adun Rawang, Gan Pei Nei, berkata

maklum balas daripada pengguna, pekerja dan Persatuan Penjaja Pasar Modern Rawan, mendorong Majlis Perbandaran Selayang melaksanakan penambahbaikan itu.

"Sebelum ini, di simpang ini (Jalan Bandar Rawang) adalah jalan sehala sahaja, tetapi selepas mengambil kira laluan ini selain untuk pengunjung ke pasar dan laluan pekedai di sini, ia juga memudahkan penduduk Rawang Perdana untuk masuk ke sini."

"Tanda jalan juga sudah tukar dan sistem laluan ini berkuatkuasa sekarang. Jalan belakang Hotel Sahara ini juga dijadikan laluan sehala bermakna tidak boleh meletakkan kenderaan di situ lagi," kata Pei Nei ketika membuat tinjauan keadaan lalu lintas di jalan-jalan terbabit.

Pihak berkuasa, khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan menjalankan pemantauan kerap bagi memastikan laluan itu bebas daripada kenderaan yang diletakkan sesuka hati.

# Jadikan MPK 10 PBT terbaik di Malaysia



Ahli Majlis MPK yang baru dilantik bergambar bersama YDP MPK, Datuk Mohammad Yacob (tengah)

OLEH LIZAWATI MADFA

**KLANG** - Pelantikan Ahli Majlis bagi sesi 2014/15 diharap meningkatkan pencapaian Majlis Perbandaran Klang (MPK) menjadi antara 10 berkuasa tempatan (PBT) terbaik di Malaysia.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohammad Yacob berkata, misi berkenaan juga seiring dengan hasrat dan dasar Kerajaan Ne-

geri yang menginginkan PBT di Selangor terus berkhidmat cemerlang untuk rakyat.

Katanya, ia hanya dapat dicapai sekiranya setiap warga kerja MPK bergerak sebagai satu pasukan.

"Kita perlu menekankan usaha merancang, dan mengawal pembangunan serta memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.

"Antaranya, perkhidmatan kutipan sampah, pembersihan

longkang, menambah dan menaik taraf infrastruktur serta kemudahan awam," katanya ketika Majlis Angkat Sumpah Ahli-ahli Majlis MPK.

Mohammad juga berkata, setiap Ahli Majlis akan dipertanggungjawabkan mengawasi zon dan kawasan jagaan yang akan ditentukan kelak.

"Kita akan bentuk 24 zon dan diharap tiada lagi isu pertindihan zon. "Walau bagaimanapun,

isu-isu di lain kawasan boleh dibawa bersama dalam mesyuarat bulanan," katanya lagi.

Seramai 14 orang mengangkat sumpah sementara dua orang ahli majlis, Noor Najhan Mohamad Salleh dan S. Sindram tidak dapat bertemu majlis kerana berada di luar negara.

Sementara itu, masih terdapat lapan kekosongan ahli majlis dan dijangka diisi dalam masa terdekat.

## Isu pemilihan Ahli Majlis PBT selesai Mac ini

**SHAH ALAM** - Isu pemilihan semula ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan dijangka selesai pertengahan Mac depan, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Kata beliau Kerajaan Negeri telah meminta PKR untuk mengemukakan 40 nama untuk mengisi kekosongan kuota parti itu.

"Setakat ini, dalam senarai PKR, jumlahnya seramai 120 orang, seramai 80 orang sahaja yang sudah selesai manakala



Rodziah Ismail

40 orang lagi masih dicadangkan" kata Abdul Khalid dalam sidang media selepas merasmikan perhimpunan bulanan, baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Exco Rodziah Ismail berkata perlantikan semula ahli-ahli majlis dibuat berdasarkan kelebihan pendidikan dan kesimbangan antara parti, badan bukan kerajaan dan wanita.

Seramai sembilan Orang Besar Daerah turut dilantik untuk jawatan itu.

## Pungutan sampah turut ditambah baik

**RAWANG** - Jadual berkala pungutan sampah disiapkan Majlis Perbandaran Selayang, (MPS) bagi memastikan kontraktor menjalankan tanggungjawab dengan berkesan.

Adun Rawang, Gan Pei Nei, berkata kontraktor yang didapati gagal mematuhi jadual itu akan diberikan Notis Pembetulan (NTC) bersama satu tempoh untuk mengutip sampah di lokasi-lokasi aduan.

"Sekiranya masalah sama masih lagi berlaku sehingga melebihi tiga kali, barulah MPS akan mengambil tindakan menamatkan kontrak kontraktor terlibat," kata Pei Nei.

### Caj Pemajuhan

Banyak PBT ingin belajar daripada MPK

**KLANG** - Kaedah caj pemajuhan berkesan yang diamalkan oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) menjadi rujukan pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) di serata negara.

Ketua Perhubungan Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata sejak kaedah itu dilaksanakan pada 1 April 2011, MPK menerima kunjungan dari Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Perbandaran Taiping, dan Majlis Perbandaran Teluk Intan.

MPK turut dijemput untuk memberi taklimat kaedah caj pemajuhan di Kota Bharu.

"Pelbagai info dikongsi bersama antaranya proses kerja, tindakan pemanfaatan, cabaran dan isu-isu berbangkit sehinggalah ke peringkat tindakan pengukuhan.

"Selain daripada itu, para delegasi juga turut didekahkan proses kerja secara keseluruhan MPK oleh Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Kewangan, Jabatan Pusat Setempat, Jabatan Undang-Undang dan jabatan lain yang terlibat," katanya.

“

**Sekiranya masalah sama masih lagi berlaku sehingga melebihi tiga kali, barulah MPS akan mengambil tindakan menamatkan kontrak kontraktor terlibat**

**GAN PEI NEI**  
Adun Rawang

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT : *Lily*

**UNIT TERHAD**

| 40' x 72' | 4+1 Bilik | Siling Tinggi 11.5'

RUMAH TERES 1 TINGKAT : *Jasmine*

**UNIT TERHAD**

| 22' x 70' | 4 Bilik | Siling Tinggi 11.5' | Taman Dalaman / pengudaraan

RUMAH TERES 1 TINGKAT : *Daisy*

**UNIT TERHAD**

| 22' x 65'-75' | 3 Bilik | Siling Tinggi 11.5' | Taman Dalaman / pengudaraan

### MASPURNA SDN. BHD. (882041-D)

No. 15-1, Wisma Laxton, Jalan Desa, Off Jalan Klang Lama, 58100 Kuala Lumpur  
TEL : 03-7983 6403 • FAX : 03-7983 6319 • EMAIL : mymaspurna@gmail.com • FACEBOOK : Maspurna

No. Lesen Pemaju : 13087-1/07-2015/0306(L), No. Permit Iklan : 13087-1/07-2015/0306(P), Tempoh Sah : 06/07/2013 ke 05/07/2015,  
Pegangan Tanah : Bebas, Bebanan Tanah : Tiada, Tarikh Dijangka Siap : April 2015, Kelulusan Pelan Bangunan : MDKL/JKB/1/KPB/OSC/4/984  
& MDKL/JKB/1/KPB/OSC/4/984, Tarikh Kelulusan : 08/05/2013 & 10/06/2013, Pihak Berkuasa Yang Meluluskan : Majlis Daerah Kuala Langat,  
22 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat (Min RM588,880, Mak RM744,560), 32 Unit Rumah Teres 1 Tingkat (Min RM256,780, Mak RM380,200)

# Taman Dato' Hormat

TELOK PANGLIMA GARANG

- Pegangan Bebas
- Geran Hakmilik Individu Sediada
- Taman Perumahan Yang Membangun
- Kemudahan Dengan Ekses Lebuhraya Baru SKVE ke Putrajaya, Puchong, Cyberjaya & KLIA
- Bumiputra : 7% diskaun

Sila kunjungi pejabat jualan kami di  
No. 49A (Tkt 1), Jalan Palas 2, Taman Dato Hormat  
42500 Telok Panglima Garang, Selangor

**Sabtu 1/3/14 & Ahad 2/3/14**  
**Mulai 10 pagi hingga 4 petang**  
TEL : 03-3122 8663/8163 / 019 3154483

KLANG

Bandar Bukit Tinggi  
(13km)

Taman  
Klang Jaya

LEBUH RAYA SHAH ALAM

TELOK PANGLIMA GARANG

Segi Fresh  
Hypermarket

CIMB Bank

Taman  
Dato'  
Hormat

Jalan  
Menkuang

To Pulau Carey

SKVE

TESCO  
(14km)

BANTING

# Rumah Selangorku: 'Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna'

OLEH HAFIZAN TAIB

**PROJEK** 'Rumah Selangorku' diperkenalkan Kerajaan Negeri adalah untuk merealisasikan matlamat 'Satu Keluarga Satu Kediaman Yang Sempurna'.

Ini adalah bagi memastikan setiap keluarga di Selangor mempunyai tempat tinggal yang baik, selesa dan selamat untuk didiami.

Selaras dengan itu, Kerajaan Negeri memperkenalkan konsep Perumahan Mampu Milik yang memberi lebih kelebihan sama ada dari segi saiz, reka bentuk dan persekitaran, pada harga tidak melebihi RM150,000 seunit.

Selangor Kini difahamkan Rumah Selangor menawarkan empat jenis kelas rumah, iaitu Rumah Mampu Milik (RMM), Rumah Kos Rendah (RKR), Rumah Kos Sederhana Rendah (RKS) dan Ru-

mah Kos Sederhana (RKS).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sewaktu Majlis Pecah Tanah 'Rumah Selangorku' di kawasan itu baru-baru ini berkata, Eco World Development Sdn Bhd dilantik selaku pemantau projek, yang akan bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi memastikan keselamatan muka bumi di kawasan pembinaan.

Selangor Kini difahamkan RMM yang ditawarkan berkeluasan tidak kurang daripada 850 kaki persegi. Pemohon disarankan menyemak senarai projek menerusi laman sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) : <http://lphs.selangor.gov.my>

Syarat aras bagi semua skim perumahan ialah warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas serta bermastautin di Selangor.

## Syarat permohonan seperti berikut

### Rumah Kos Rendah di Selangor

- Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.
- Bermastautin di negeri Selangor.
- Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan.
- Satu keluarga satu permohonan sahaja.
- Pemohon atau suami/isteri pemohon belum memiliki rumah sama ada melalui projek kerajaan atau swasta.

### Rumah Mampu Milik di Selangor

- Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.
- Bermastautin di negeri Selangor.
- Pendapatan isi rumah di antara RM3,000.00 hingga RM8,000.00 sebulan.
- Pemohon (suami/isteri) tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor. Namun pemohon yang telah memiliki rumah kos rendah selama lima (5) tahun ke atas boleh memohon rumah mampu milik sebagai rumah kedua, tetapi tertakluk kepada syarat had kelayakan pendapatan pemohon.
- Pemohon bujang yang mempunyai tanggungan keluarga boleh memohon.
- Pembelian rumah adalah untuk didiami bukan disewa.



Menteri Besar sewaktu majlis pecah tanah 'Rumah Selangorku'

Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan di kaunter LPHS, Tingkat 5, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam atau menghubungi Bahagian Perumahan LPHS menerusi talian 03-5510 3924 atau boleh memuat turut borang dilaman web LPHS



## Peringatan

LPHS juga tidak pernah melantik pihak atau sekumpulan orang sebagai agen untuk urusan permohonan dan penawaran skim perumahan dijayakannya.



### Pemohon perlu menampilkkan

- Salinan kad pengenalan sendiri
- Salinan kad pengenalan pasangan, berserta salinan surat nikah/daftar perkahwinan
- Salinan kad pengenalan atau sijil kelahiran anak/tanggungan
- Salinan surat nikah atau daftar perkahwinan
- Surat pengesahan bujang daripada majikan, atau Persuruhjaya Sumpah sekiranya bekerja sendiri, atau surat cerai/sijil kematian pasangan
- Penyata gaji terkini atau pengesahan pendapatan dari-pada Persuruhjaya Sumpah sekiranya bekerja sendiri
- Penyata KWSP (jika ada)
- Salinan bil air atau bil elektrik

## WAKTU SOLAT SELANGOR

28 FEBRUARI - 7 MAC 2014

28 RABIULAKHIR - 5 JAMADILAWAL 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Magrib	Isyak
28 Jumaat	5:59	6:09	7:25	1:29	4:44	7:29	8:38
1 Sabtu	5:59	6:09	7:25	1:28	4:43	7:29	8:38
2 Ahad	5:58	6:08	7:25	1:28	4:43	7:29	8:38
3 Isnin	5:58	6:08	7:24	1:28	4:42	7:29	8:38
4 Selasa	5:58	6:08	7:24	1:28	4:42	7:28	8:38
5 Rabu	5:58	6:08	7:24	1:28	4:41	7:28	8:37
6 Khamis	5:57	6:07	7:23	1:27	4:40	7:28	8:37
7 Jumaat	5:57	6:07	7:23	1:27	4:40	7:28	8:37

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Magrib	Isyak
28 Jumaat	6:01	6:11	7:27	1:31	4:46	7:31	8:40
1 Sabtu	6:01	6:11	7:27	1:30	4:45	7:31	8:40
2 Ahad	6:00	6:10	7:27	1:30	4:45	7:31	8:40
3 Isnin	6:00	6:10	7:26	1:30	4:44	7:31	8:40
4 Selasa	6:00	6:10	7:26	1:30	4:44	7:30	8:40
5 Rabu	6:00	6:10	7:26	1:30	4:43	7:30	8:39
6 Khamis	5:59	6:09	7:25	1:29	4:42	7:30	8:39
7 Jumaat	5:59	6:09	7:25	1:29	4:42	7:30	8:39



Pastikan rakyat mampu miliki rumah

## MB: RM100 juta rizab negeri bina ‘Rumah Selangorku’



OLEH AFIX REDZUAN

**HULU KELANG** - Projek ‘Rumah Selangorku’ pertama yang akan dibina di Sungai Sering, Hulu Kelang akan menggunakan RM100 juta daripada rizab Kerajaan Negeri yang berjumlah RM3 bilion.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata peruntukan RM100 juta itu digunakan sebagai modal pusingan membina rumah mampu milik tanpa perlu Kerajaan Negeri membuat pinjaman bank.

“Rumah kos rendah tidak akan diabaikan dengan pembinaannya diteruskan untuk menjaga kebajikan golongan yang kurang berkemampuan,” kata Abdul Khalid.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pecah Tanah ‘Rumah Selangorku’ pertama di negeri itu di Taman Ukay Indah, Sungai Sering, baru-baru ini.

Abdul Khalid berkata konsep ‘Satu Keluarga, Satu Kediaman’ adalah supaya rakyat dapat memiliki rumah sendiri memandangkan harga ditawarkan pasaran membebankan golongan kurang berkemampuan.

Katanya, Eco World Development Sdn Bhd dilantik selaku pemantau projek itu selain bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang akan memastikan keselamatan cerun di kawasan pembinaan.

Projek pembangunan Rumah Mampu Milik pertama ini akan dibangunkan di atas tanah milik Menteri Besar Incorporated (MBI) pada keluasan 55 ekar.

Kerja pembinaan dijangka akan bermula dalam tempoh enam bulan selepas mendapat kelulusan pembangunan serta pelantikan kontraktor selesai.

Hampir 2,400 unit rumah akan dibina melalui projek perintis ini dengan keluasan 900 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi dengan menggunakan konsep pembinaan secara pasang siap (IBS).

“Jika ini berjaya dilakukan, pembeli rumah akan tahu nilai dan harga rumah yang dibeli dan kerajaan akan menjual pada kadar mendapatkan keuntungan,” kata Abdul Khalid.

Beliau berkata, keutamaan adalah

kepada yang belum memiliki rumah, pasangan baru berkahwin, memiliki anak yang ramai dan pendapatan isi rumah antara RM3,000-RM8,000.

Abdul Khalid sebelum itu mendatangi perjanjian persefahaman bersama CEO Eco World Development Sdn Bhd, Datuk Chang Khim Wah dan Pengarah Eksekutif LPHS, Norazaton Aini Mohd Kassim.

“Projek ini dengan konsep bukan sahaja Kerajaan Negeri memperuntukkan tanah tetapi wang pusingan yang dijangkakan RM100 juta dan akan digunakan dalam proses pembinaan itu.

“Untuk menentukan perjalanan projek ini dilakukan, kita meminta Eco World bertindak selaku pemantau projek secara telus,” kata Abdul Khalid.

Sementara itu, Ketua Pengarah Eksekutif Eco World Development, Datuk Chang Khim Wah menjangkakan projek ini dapat diselesaikan dalam masa lima tahun melalui tiga fasa pembinaan.

“Kita jangkakan pembinaan fasa pertama berjumlah 1,000 unit siap dalam masa tiga tahun,” katanya.

Rakyat sambut baik usaha Selangor perkenal Rumah Selangorku

**HULU KELANG** - Rakyat Selangor menyambut baik usaha Kerajaan Negeri memperkenalkan projek Rumah Selangorku yang menjadi perintis ke arah perlaksanaan misi ‘Satu Keluarga, Satu Kediaman’ bagi memenuhi impian golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

Rata-rata mereka yang ditemui mengakui kesukaran untuk memiliki rumah pertama disebabkan harga pasar yang tinggi ditambah dengan skala pendapatan bulanan yang kecil.

Bagi **Mohd Robaai Mustajam**, 49, peluang rumah mampu milik sebegini diharapkan dapat memberikan sinar baru terutama mereka yang disenaraikan hitam oleh bank akibat bebanan hutang.

“Walaupun ada pendapatan, tapi mereka tiada peluang kerana bank tidak berikan kerjasama untuk beri pinjaman.

“Hanya boleh duduk di rumah sewa lebih 20 tahun. Dulu buat pinjaman sebab perniagaan. Dengan apa yang sebutkan ada harapan untuk kemampuan, kemampuan untuk membuat pinjaman,” katanya.

**Idham Hafiz Haslan**, 29, yang baru mendirikan rumah tangga dan memilik seorang anak melihat keprihatinan kerajaan Selangor wajar disokong.

“Projek ini baik untuk rakyat selangor sebab sekarang ini kita tahu nak cari rumah pun susah. Kalau kerajaan bantu dengan pembinaan rumah kos rendah itu adalah se-

suatu yang baik,” katanya yang kini masih tinggal bersama ibu bapa di Hulu Kelang dan bekerja sebagai ‘Freelancer’ teknologi maklumat.

Sementara itu, **Hashim Ismail**, 36, pula berpandangan harga yang ditawarkan Kerajaan Negeri dilihat lebih murah berbanding dengan pasaran semasa.

